

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Sultan Nazrin rasmi Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi HRPB

Ipo: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah, berkenan merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bahru (HRPB) di sini, semalam.

KWKK HRPB membabitkan keluasan 14,671 meter persegi mula beroperasi sejak Disember 2019, membabitkan perbelanjaan pembinaan sebanyak RM277 juta di bawah peruntakan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dengan kerja pembinaan bermula sejak 2013.

Kompleks dengan ketinggian 10 tingkat itu memuatkan 404 katil dengan dilengkapi 904 lot parkir untuk kakitangan serta pesakit.

Kompleks itu menawarkan ti-

ga perkhidmatan utama iaitu Kardiologi, Pediatrik, dan Obstetrik & Ginekologi (O&G) selain beberapa sub perkhidmatan yang lain, antaranya termasuk perkhidmatan pesakit luar bagi kardiologi, O&G, dan Pediatrik.

Bangunan itu juga menyediakan lima perkhidmatan sokongan iaitu Radiologi, Farmasi, Dewan Sukan, Central Sterile Supply Department (CSSD) dan Unit Hail.

Berangkat sama pada majlis itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jauhar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nashatul Shima Idris Shah; dan Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Daulatnash Idris Shah.



Sultan Nazrin bersama Tuanku Zara Salim berkenan melihat prosedur operasi pesakit selepas memperuntukkan majlis peributan Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi HRPB di Ipoh, semalam. (Foto: ISTHANA)

Awasi gejala pelajar guna produk penyedut hidung

Nilai: Pengurusan sekolah dan ibu bapa perlu memberi perhatian serius terhadap penggunaan atau pengambilan produk penyedut hidung yang dikenali sebagai 'Energy Stick' dalam kalangan pelajar yang kesannya dapat memberi kesan dan keagresan kepada pengagunannya.

Menyari Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya malarang penggunaan produk berkenaan kerana ia boleh meniadakan kebolehan pelajar.

Katanya, Kementerian Pendidikan (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha mengawal penggunaan produk tersebut dalam kalangan pelajar.

"Saya minta ibu bapa serta sekolah lebih peka berkaitan perkara ini agar anak mereka tidak terjerak dengan pengambilan 'Energy Stick' ini."

"KKM telah mengemukakan kekusutan terhadap produk ini dan kesannya kepada kesihatan. Jadi, saya nasihatkan pelajar jangan ambil, tumpukan pada pendidikan dan juga kesihatan."

"Luangkan masa dengan program beribadah dan jangan ambil (Energy Stick) kerana dikhuatiri akan memberi kesan kepada kesihatan kita," katanya selepas majlis Hari Perpaduan Silang Budaya dan Agama Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Peringkat Negeri Sembilan BGS di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nilai Impian, di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

MMA gesa kaji semula syarat wajibkan biasiswa

Tajaan program Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran sekat peluang calon dapat tempat

(oleh) Rahmatia Idris
rah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peratuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan melihat semula syarat yang menetapkan calon yang mahu mendapatkan Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'Parallel Pathway' perlu mendapatkan biasiswa Hadiah Latihan Persekolahan (HLP).

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata syarat yang ditetapkan itu dilihat menyekat peluang calon mendapatkan tempat untuk mengikuti program berkenaan.

Pada masa ini pegawai perubatan dalam sektor penjagaan kesihatan awam, yang menahap program sarjana perubatan daripada universiti atau program 'Parallel Pathway' di dalam dan luar negara dikehendaki memohon HLP yang juga biasiswa kerajaan.

Sistem semasa ini membataskan pilihan bakal pelatih untuk mendapatkan peluang mengikuti program berkenaan.

"Biasiswa HLP itu tidak sepatutnya menjadi untuk mereka mengikuti program ijazah lanjutan kepakaran, kerana doktor berkenaan sebenarnya bersedia

untuk membiayai latihan kepakaran mereka sendiri tanpa terikat dengan biasiswa kerajaan."

"Syarat yang ditetapkan ini menyekat peluang yang ada, mewujudkan ketidakpastian dan meniadakan peluang lagi mendapatkan HLP."

"Kami dimaklumkan doktor yang layak dan telah memohon latihan kepakaran terpaksa menunggu antara satu hingga empat tahun bagi mendapatkan HLP."

"Isu seperti ini hanya mempengaruhi pengaliran pakej perubatan yang sangat diperlukan oleh negara, ketika ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Kekecewaan pakar

Dr Azizan menjelaskan dengan perubahan itu memperlahankan Malaysia akan terus mengalami kekurangan doktor pakar dalam sektor bidang kepakaran perubatan.

Katanya, ketika ini daripada 13,000 pakar yang sedang berkhidmat di negara ini, hanya kira-kira 9,000 saja yang berkhidmat dalam penjagaan kesihatan awam.

"Perlu diingat bahawa lebih daripada 70 peratus pendidik negara ini bergantung kepada sistem penjagaan kesihatan awam bagi memenuhi keperluan kesihatan mereka."

"Nisbah penduduk Malaysia kepada pakar pada masa ini adalah 10,000 bagi setiap empat doktor jumlah yang sangat berbeza dengan purata ditetapkan Pertubuhan Eropasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), iaitu

10,000:14.1," katanya.

Beliau juga bimbang sasaran ditetapkan kerajaan untuk mempunyai 28,000 doktor pakar menjelang 2030 tidak mungkin dicapai kerana jumlah pakar yang dihasilkan ketika ini hanya dalam anggaran kira-kira 1,000 setiap tahun.

Untuk rekod, HLP program pautan dan cuti bergaji penuh kepada pegawai-pegawai kerajaan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pegawai kontrak bagi memulakan pengajian Ijazah Lanjutan secara sepenuh masa sama ada Sarjana atau Ijazah Kedokteran (PaD) di Institut pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara.

Sejak 2021, pautan program sarjana dan PhD yang membolehkan melanjutkan pelajaran atau pasca sarjana disyaratkan perlu memohon biasiswa HLP.

Jika biasiswa itu ditolak, kerajaan akan menanggung semua kos bagi mereka yang memilih program MMED atau menanggung kos untuk peperiksaan kedua dan ketiga hanya sekali bagi mereka yang mengambil ijazah lanjutan kepakaran.

HLP menyasarkan semua peserta latihan yang mendapat biasiswa itu berkhidmat selama tujuh tahun dan memenuhkan tahun-tahun latihan yang ditetapkan.

Selain itu, terdapat kos latihan yang lebih tinggi dan peluang peremajaan yang dikurangkan di bawah biasiswa HLP.

Calon perlu lulus Medica

Dr Azizan menjelaskan bagi melayakkan pelatih menerima biasiswa HLP, calon dikehendaki lulus Peperiksaan Perakusuman Ijazah Lanjutan Perubatan (Medica) membabitkan kos RM500 bagi calon program Sarjana Perubatan (MMED) atau lulus kertas pertama bagi program Ijazah lanjutan kepakaran yang mana kos ditetapkan berbeza bergantung pada bidang pengkhususan.

Namun, katanya syarat itu menyekatkan calon mungkin tidak layak untuk mendapat biasiswa jika pengalaman perkhidmatan mereka tidak mencukupi.

Berdasarkan syarat kelayakan, calon yang boleh membuat sarjana dan ijazah lanjutan kepakaran perlu berumur tidak melebihi 40 tahun.

"Baru-baru ini, pelatih 'Parallel Pathway' turut berpeluang mendapatkan HLP dan ini menyebarkan pegawai perubatan yang mempunyai sarjana perlu bersaing dengan mereka dalam program itu."

"Sudahlah peluang tersedia diperkembangkan terhad, kini ramai pegawai perubatan tidak dapat mengikuti program ini kerana perubatan ini."

"Sebelum ini, calon dapat memfokuskan peperiksaan dan melanjutkan latihan mereka tanpa beban tanggungan calon. Dengan adanya HLP, orang yang berumur tertentu tidak dapat dipertimbangkan mengikuti latihan pasca sarjana," katanya.

Beliau menjelaskan oleh kerana peluang pegawai perubatan kini terhad maka mereka terpaksa bersaing dengan pelatih yang kini mengikuti program pasca sarjana.



Dr Azizan Abdul Aziz

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

JOLOK HIDUNG DAN SEDUT

Dedah bukti kesan sampingan

Kuala Lumpur: Tabiat menghisap 'energy stick' yang mulai popular pada masa ini seolah-olah menggiatkan anak muda mengahapiri dengan perhatian salah satu dadah sebab ia antara kaedah dalam penyalahgunaan dadah.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Kesihatan Keluarga) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Rosnah Sultan berkata, adalah wajar sebagai ibu bapa dan masyarakat di sekeliling anak muda, bertindak menyokong Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengambil tindakan kepada penjual atau sesiapa yang mempromosikan barang atau barangan terlarang itu sebelum ia berleluasa.

Menurutnya, satu talian untuk melaporkan kejadian penjualan produk itu perlu diwujudkan supaya ia dibanters lebih awal sebelum teruk merelak.

Pada masa sama pihak yang berwajib perlu mendedahkan bukti kesan sampingan buruk produk 'energy stick' lagi menggariskan desakan untuk membanters aktiviti penjualan produk itu.

Kita tidak pasti apa kandungan dalam bahan kimia yang mungkin akan merosak sel badan pada jangka masa yang panjang seperti nikotin dalam asap rokok.

"Di samping itu, peranan kita orang dewasa yang lebih matang memberikan informasi kepada anak-anak muda untuk menentang pembelian produk itu malah wajar melaporkan jika terlibat penjualannya," katanya.

Beliau berkata, 'energy stick' yang mengetengahkan slogan 'sedut dahulu baru pergi sekolah' dan 'sedut dua hari baru mula kerja' jelas adalah teknik untuk menjual barang itu di pasaran untuk meraih keuntungan tanpa memperdulikan kesan kepada pengguna dari aspek kesihatan dan risiko tingkah laku tidak bermanfaat.

Sementara itu, wakil Persekutuan Ibu Bapa dan Guru (PBBG) Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya Prof Madya Dr Adelina Asmaru berkata, timbul kebimbangan apabila produk yang dijual secara ini ditujukan terutamanya kepada murid sekolah dengan risiko ketagihan.

Apa yang merunsingkan adalah ada juga ibu bapa yang tidak tahu akan kewujudan produk sebegini. Apabila ia menjadi satu trend dalam kalangan murid se-

kolah, pastinya ramai dalam kalangan golongan itu yang ingin mencuba dan membeli.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga perlu peka produk seumpamanya yang dijual terutama menerusi jalan dalam talian.

"Produk yang bakal merosakkan kesihatan tubuh badan dan minda segumpunya' dilarang sama sekali dijual dalam kalangan murid sekolah," katanya.

Beliau yang juga Penasihat Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) berkata, produk sedemikian tidak membantu dalam pembinaan modal insan diperlukan dalam bidang pendidikan negara.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Rabu 07/02/2024

[@harianmetro](#) [HarianMetro](#) [@harianmetro](#) [www.harianmetro.com.my](#)

17

lokal

Sultan Perak rasmi KWKK

Ipoh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah, semalam beriklan merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardilogi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Berangkat sama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazatul Shima Idris Shah dan Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Daulatman Idris Shah.

Hadir sama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Timbalannya, Datuk Lukmanismawati Awang Saad, Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mo-

hammad, dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ahmad Suali Abdul Rahim.

Sultan Nazrin turut berkenan melawat tiga klinik serta rasmi pameran yang diadakan sempena majlis perasmian itu.

Sementara itu, Dr Dzulkefly ketika menyampaikan sembah ucapan sempena majlis berkata, dengan adanya KWKK, HRPB sekaligus menjadi antara tiga hospital terbesar di Malaysia selepas Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Putrajaya (HPP).

Ia memiliki kapasiti 1,394 katil, 22 dewan bedah, 33 katil unit rawatan rapi dewasa, 10 katil unit rawatan jantung, 12 katil unit rawatan rapi kanak-kanak

(PICU) dan 22 katil unit rawatan neonatal.

"Perak kini mempunyai 15 hospital kerajaan dengan luas daripadanya hospital bespakar, 88 klinik kesihatan, 73 klinik pergigian, 10 Klinik kesihatan ibu dan anak, 222 klinik dema dan 16 klinik komuniti," katanya.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berusaha ke arah menyediakan sistem perkhidmatan kesihatan yang lebih adil dan saksama, berteknologi tinggi, mudah dicapai dengan kos berpatutan dan mampan untuk jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat.



SULTAN Perak, Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim beriklan melihat prosedur rawatan pesakit ketika beriklan menyempurnakan majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardilogi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!Kosmo Online
www.kosmo.com.myRabu
07.02.2024
26 Rejab 1445RM2
No. 13 TAHUN 55
PPH5250900079 (03/01/24)

ENERGY STICK DIHARAM DI SEKOLAH



KPM ambil langkah kekang penggunaan penyedut hidung dalam kalangan murid

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

NILAI – Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil langkah awal apabila mengeluarkan larangan penggunaan energy stick atau produk penyedut hidung dalam kalangan murid dan pelajar sekolah.

Menteri Pendidikan, Fadhlina

Sidek berkata, selubangan itu, pihaknya meminta ibu bapa dan pihak sekolah supaya mengambil perhatian berkaitan isu tersebut agar anak masing-masing tidak terjejak dengan pengambilan peranti tersebut yang kini dilihat menjadi trend dalam kalangan orang muda.

• BERSAMBUNG DI MUKA 2

- CAUBAR HASAN



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Energy stick diharam di sekolah

DARI MUKA 1

"Kementerian Kesihatan (KKM) telah pun mengambil tindakan dan KPM menyokong apa sahaja tindakan yang diambil."

"Sebab itu saya nasihatkan murid jangan ambil tengegu stick, tampokan perhatian kepada pendidikan dan jaga kesihatan. Luangkan masa dengan program berbandah."

"Jangan ambil kerana dikawatir-tiri ia akan memberi kesan kepada kesihatan kita," katanya ketika ditemui pada Majlis Hari Perpaduan Silang Budaya Dan Agihan Bantuan Awal Penyelesaian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tahir Ismail, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Mengulas lanjut, Padhlina memberitahu, pihaknya mengambil kira semua pandangan, saranan dan tindakan yang diambil oleh KKM berhubung trend penggunaan energy stick dalam kalangan remaja dan kanak-kanak ketika ini termasuk menarik berada di sekolah.

"KPM akan sentiasa mengikutkan semua dari semua ke semua mengenai perkara tersebut. Sebab itu kami memulakan pandangan ibu bapa dan guru dalam mengawal anak-anak ini supaya dapat diawasi secara



FADHLINA

bersama," katanya.

Pada henta lalu, Kosmo! melaporkan penggunaan energy stick yang semakin berleluasa ketika ini mendapat perhatian KKM yang akan mengambil tindakan ke atas pihak yang menjual gadget menyerupai vape itu termasuk secara dalam talian.

Penggunaan nikel inhaler itu sedang meningkat naik dalam kalangan pelajar sekolah dan dijual secara berleluasa pada harga serendah RM2.50 setiap satu.

Kebaharu energy stick dengan saiz kecil seperti penarik api seketika mempunyai pelbagai pilihan perisa itu dibimbangi boleh menjadikan golongan muda menjadi penagih vape.

Penggunaan peranti itu juga



ALAT energy stick digunakan secara meluas dalam kalangan pelajar kerana saiznya yang kecil dan mempunyai pelbagai perisa.



KERATAN Kosmo! 2 Februari 2024.

berpotensi menjadi pengagihannya ke arah penggunaan vape dan dadah pada masa akan datang.

Tinjauan menerusi platform e-dagang turut mendapati peranti penyedut hidung itu dijual kepada orang ramai tanpa had umur dan mempunyai lebih 15 pilihan perisa antaranya tembikai, anggur dan strawberi.

Kesemua perisa itu sebenarnya dinakal oleh remaja dan kanak-kanak.

Antara tarikan lain adalah rasa lada yang dilihat jelas ditujukan kepada golongan sasaran iaitu "Hisap dahulu, baru ke sekolah", "Hisap-hisap anda lega, hisap-hisap anda bertamaga" dan "Ambil masa untuk rehat, sedut dan cergas ke sekolah".

Peranti itu juga konon mampu mengubati penyakit pernafasan seperti sesak, asma dan selesema.

Apabila sedut rasa segar, hidung pun tak sakit – Pelajar

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHARUL dan AZMI NORDIN

PETALING JAYA – Produk energy stick semakin popular dalam kalangan pelajar sekolah kerana dapat memberikan kesegaran dan membantu melegakan sesak, hidung dan mengantuk.

Perkara itu didedahkan sendiri pelajar tingkatan dua yang mahu dikenali sebagai Noh yang mengakui dia mula ketagih menggunakan alat penyedut hidung tersebut kerana melancarkan sistem pernafasannya.

"Hidung saya sudah berakut jadi rasa tidak selesa. Sehari saya akan sedut tengegu stick tiga hingga empat kali."

"Saya tahu tentang produk ini bulan lalu. Bila melihat makluman balas di media sosial, ramai yang cakap ia bagus untuk merawat masalah seperti saya, jadi saya membelinya pada 10



ADA pelajar menggunakan alat penyedut hidung untuk tujuan kesegaran bagi menghilangkan rasa mengantuk dalam kelas. – GAMBAR: HASAN

Januari lalu secara dalam talian.

"Apabila digunakan ia membantu mengurangkan masalah hidung tersumbat, rasa segar, lagipun ada banyak pilihan perisa buah-buahan jadi hidung tidak rasa sakit apabila dihidut," katanya kepada Kosmo! semalam.

Noh berkata, dia langsung tidak mengetahui risiko penggunaan alat penyedut itu.

"Saya ada baca mengenaikannya di Facebook. Ada yang beritahu kesannya sama seperti isap vape."

Saya pun tak pasti sebab tidak pernah hisap rokok elektronik."

"Bila buat carian di Google, belum jumpa hasil kajian tentang kesan energy stick. Setakat ini belum ada kesan sampingan lagi," ujarnya.

Bagi pelajar lain, Muhammad Aizal, 18, dia mengetahui tentang energy stick melalui rakan dan mula menggunakannya sejak tiga bulan lalu bagi menghilangkan mengantuk ketika mengulang-kaji pelajaran.

"Tahu ini saya menduduki peperiksaan penting, jadi saya terpaksa berjaga lewat malam untuk mengulang-kaji. Bila menghirup dalam bekas, kawan syorkan guna energy stick. Terasa berangin dan segar bila guna. Setakat ini okay sahaja," katanya.

Dalam pada itu, seorang bapa, Azrul, 31, berkata, dia terkejut apabila anaknya yang berusia tujuh tahun menunjukkan gambar energy stick di telefon bimbit.

"Dia berminat untuk membeli kerana saiz dan bentuk yang comel. Saya lihat ia mampu menarik minat kanak-kanak kerana berwarna-warni selain pelekak kartun yang digunakan sebagai tarikan untuk menarikkan jualan."

"Saya bimbang jika tidak dibendung ia digunakan oleh kanak-kanak, lagipun kita tidak tahu kandungannya," katanya.

Dalam pada itu, seorang ibu mendakwa terdapat penjual energy stick yang sudah mula beraksi mengedarkan flyers di luar kawasan sekolah.

Noraini Omar, 51, berkata, anaknya berusia sembilan tahun membawa pulang sekeping flyers yang mempromosikan alat penyedut hidung dengan empat pilihan perisa.

"Anak saya meminta untuk membelikan alat tersebut kerana tertarik dengan perisa selain gambar kartun comel pada bungkusannya," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

6 **Negara!**

Kosmo! KADU 7 FEBRUARI 2024

Sultan Nazrin mahu Hospital Kuala Kangsar dinaik taraf

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah memintahkan supaya Kementerian Kesihatan (KKM) memberi perhatian terhadap projek naik taraf dan pembezaan Hospital Kuala Kangsar seperti mana yang diumumkan Menteri Belanjawan 2023.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu dimaklumkan ketika beliau menghadap baginda selepas perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini semalam.

"Ada sedikit perbincangan bersama Tuanku Sultan yang mana baginda telah meminta



SULTAN NAZRIN (kanan) merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh semalam.

kita untuk memberi perhatian kepada pembezaan Hospital Kuala Kangsar.

"Pihak Kementerian akan buat tindakan susulan ekoran projek ini atas janji yang dibuat Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan Belanjawan 2023," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah berkesempatan merasmikan kompleks berkenaan.

Dalam ucapan Belanjawan 2023 pada Februari tahun lalu, Anwar mengumumkan peruntukan sebanyak RM36.3 bilion untuk sektor kesihatan.

Dr. Dzulkefly memberitahu, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.2 juta bagi perolehan 250 set katil baharu untuk HRPB.

Katanya, perolehan katil baharu itu bagi menampung keperluan katil di hospital itu selain

menggantikan katil lama yang usang.

Tambahnya, pembinaan kompleks di atas tapak ber keluasan 14,671 meter persegi itu bermula pada 2013 melibatkan kos RM257 juta di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10.

"Ini merupakan satu peruntukan besar dalam perbelanjaan sebuah hospital bagi memastikan perkhidmatan kualiti dapat dilaksanakan secara optimum kepada seluruh rakyat khususnya di negeri Perak," katanya.

Kompleks setinggi 10 tingkat yang memuatkan 404 katil, enam dewan bedah dan 304 lot parkir untuk taksi dan serta pelawat itu mula beroperasi sejak Disember 2019.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

KPM, KKM bekerjasama tangani isu *energy stick*

NILAI - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan isu penggunaan produk penyedut hidung atau *energy stick* dalam kalangan pelajar dapat diawal.

Menkerti Pendidikan, Fadlina Sidek berkata, ibu bapa dan pihak sekolah turut diharap mengambil perhatian berkenaan isu ini bagi memastikan anak-anak tidak terjerak dalam pengedaran bahan tersebut.

"Kita menyokong semua tindakan oleh KKM dan akan bekerjasama untuk memastikan isu ini dapat diawal dan ditangani sebaiknya di peringkat KPM," katanya kepada pemberita selepas program Hari Perpaduan Slang Bataja dan Agihan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Peringkat Negeri Sembilan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nisa Impian, di sini pada Selasa.

Tambahnya, para pelajar di-

nasihatkan tidak mengambil bahan yang boleh memberi kesan kepada kesihatan mereka dan memberi tumpuan kepada perkara yang lebih berfaedah.

Sebelum ini media melaporkan, penggunaan *energy stick* telah meningkat dalam kalangan pelajar sekolah.

Publi Hualth Malaysia menerusi halaman di platform X kemudiannya mengeluarkan maklumat kepada masyarakat agar berwaspada dengan penggunaan bahan tersebut.

Menurutnya, produk jolok hidung dan sedut itu adalah terkini di pasaran dan dijual secara berkolusi dengan harga serendah RM2.50 sehingga RM10 sahaja.

Ujarnya, jika diperhatikan, pengambilan produk tersebut sama seperti dadah lalu kaduk melalui hidung atau *snoring* dan secara psikologinya sangat negatif kerana menyalakkan pengguna untuk mencuba bahan lain.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NASIONAL

Sultan Nazrin titah
KKM perlu tefiti
perkembangan
projek dengan
kadar segera

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitah agar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mambai perhatian terhadap kerja-kerja naik taraf Hospital Kuala Kangsar semasa majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Selasa.

Projek itu dimuktamadkan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad semasa mengadakan baginda Sultan semasa majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Selasa.

Dzulkefly berkata, baginda Sultan memberi perhatian terhadap perkara itu dan mahu KKM insinarti perkembangan projek tersebut dengan kadar

segera.

"Ada sedikit perbincangan dan bincang sebutkan kepada saya sebagai menteri dan ketua setelausaha untuk Kementerian perhatikan projek ini."

"Kementerian akan buat susulan mengenai perkara ini kerana projek ini atas peng yang dibuat Perdana Menteri dalam Bajet 2023 itu," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Selasa.

Semasa membentangkan Belanjawan 2023, Februari tahun lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan memulakan kerja awalan matak leaf sebanyak 25 hospital seluruh negara.

Ia termasuk pembesaran Hospital Kuala Kangsar di Perak, Johor, Negeri Sembilan dan juga Hospital Pontian, Johor yang telah berusai hampir seabad.

Mengulas lanjut Dzulkefly berkata, projek berkenaan kini dalam proses tender sebelum



Sultan Nazrin dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara. Salin berkenan melihat prosedur rawatan pesakit ketika berangkat majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi, HRPB pada Selasa.

peringkat kerja seterusnya dimulakan.

"Saya akan pastikan perkara ini dipantau dengan lebih teliti," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan, peruntukan

tersebut sebanyak RM1.2 juta untuk perolehan 250 katil baharu di HRPB.

Katanya, peruntukan itu diuluskan KKM mengambil kira kekurangan katil di hospital berkenaan yang tidak dapat me-

rampung keperluan pesakit sebelum ini.

"Dengan tambahan ini dapat hospital ini beroperasi secara penuh atau digunakan bagi menggantikan katil-katil wad yang telah usang," katanya.

HRPB Ipoh kini antara tiga hospital terbesar negara

IPOH - Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh diiktiraf antara tiga hospital terbesar dalam negara selepas Hospital Kuala Lumpur dan Putu Pinang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, hospital yang ditubuhkan pada tahun 1891 itu kini mempunyai kapasiti 1,394 katil, 22 dewan bedah, 33 katil unit rawatan rapi dewasa, 10 katil unit rawatan jantung, 12 katil unit rawatan replikasi-kanak dan 24 katil unit rawatan neonatal.

Menurutnya, penambahan kemudahan ini akan adanya per-

khidmatan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi yang beroperasi sejak 2019 lalu.

"Sejak dinaiktaraf taraf kepada hospital negeri pada 1942, hospital ini terus berkembang dengan pembangunan Kompleks Klinik Pakar pada 1982 dan pada 2005, Kompleks Rawatan Harian telah ditubuhkan.

"Pada 2017, hospital ini menjadi land hospital bagi kawasan Ipoh serta menjadi pusat rujukan untuk non-land hospital iaitu Hospital Batu Gajah, Hospital Sungai Siput, Hospital Kampar dan Hospital

Bahagiu Ulu Kinta.

"Kini dengan adanya Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi, maka HRPB adalah antara tiga hospital terbesar di Malaysia," katanya.

Belaubersah dan kian ketika menyempatkan sembah ucapan majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi HRPB yang disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di sini pada Selasa.

Berangkat sama, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara

Salim; Raja Muda Perak, Raja Jazfar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah dan Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Daulatman Sultan Idris Shah.

Dzulkefly berkata, pembinaan kompleks di atas tapak berkeluasan 14.671 meter persegi itu menggunakan penatruhan besar dalam perbelanjaan sebuah hospital iaitu RM237 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-10.

Penggunaan Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi ini menawarkan tiga perkhidmatan

utama iaitu Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Jabatan Pediatrik serta Jabatan Kardiologi.

Kompleks 10 tingkat ini turut dilengkapi dengan kemudahan 404 katil, enam dewan bedah dan ruang parkir yang mampu menempatkan 304 kenderaan kakitangan dan awam.

